





IQRA'

BIL. 6/2025
JUN



Sesi Libat Urus Perkhidmatan bersama Program Pengajian UiTMCT – Fakulti Perakaunan

Disediakan oleh: Cik Asmahani Abdullah, Timbalan Ketua Pustakawan (M) (KUP)
Kampus: UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun



Unit Perkhidmatan Perpustakaan, Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun telah mengadakan satu sesi libat urus bersama pensyarah dari Fakulti Perakaunan, yang diadakan melalui platform dalam talian iaitu GoogleMeet pada 12 Jun 2025, Khamis yang lalu. Seramai 26 orang pensyarah telah menyertai sesi yang diketuai oleh Dr. Siti Nurhazwani Kamarudin, Ketua Pusat Pengajian Fakulti Perakaunan.

Sesi libat urus ini telah dikendalikan oleh Cik Asmahani Abdullah, Ketua Unit Perkhidmatan Perpustakaan. Pengisian penting yang telah disampaikan dalam sesi ini ialah penerangan berkaitan:-

- a) perkhidmatan terkini yang ditawarkan di perpustakaan
- b) statistik penglibatan fakulti bagi perkhidmatan perpustakaan pada tahun sebelum
- c) mendapatkan maklumbalas berkaitan bagi menyokong kecemerlangan pembelajaran, pengajaran, penulisan, dan penyelidikan universiti.

Selain pembentangan, sesi ini juga memberi peluang kepada pihak pensyarah terlibat untuk mengemukakan pertanyaan, cadangan dan komen berkenaan kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan di perpustakaan untuk penambahbaikan bersama.

BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my